

Bil. S 26

PERINTAH PENYAKIT BERJANGKIT, 2003

**PEMBERITAHUAN PENYAKIT BERJANGKIT
(PINDAAN JADUAL), 2009**

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan Jadual Kelima kepada S 34/03.
 3. Pindaan Jadual Keenam.
-

PERINTAH PENYAKIT BERJANGKIT, 2003

**PEMBERITAHUAN PENYAKIT BERJANGKIT
(PINDAAN JADUAL), 2009**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 73 dari Perintah Penyakit Berjangkit, 2003, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Pemberitahuan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Pemberitahuan ini boleh digelar sebagai Pemberitahuan Penyakit Berjangkit (Pindaan Jadual), 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Pemberitahuan ini dibuat.

Pindaan Jadual Kelima kepada S 34/03.

2. Jadual Kelima kepada Perintah Penyakit Berjangkit, 2003, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS).";

(b) dengan menambah "(2) Influenza A, B and others.".

Pindaan Jadual Keenam.

3. Jadual Keenam kepada Perintah utama adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS).";

(b) dengan menambah "(2) Influenza A, B and others.".

Diperbuat pada hari ini 30 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 25 haribulan Mei, 2009.

**PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.